



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Bangunan RISDA yang baru dan indah tersergam ini melambangkan hasrat dan cita-cita Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak di atas kejayaan ini.

Kerajaan memang sedar bahawa sebahagian daripada keluarga pekebun kecil masih hidup di bawah paras kemiskinan. Melalui usaha gigih Kerajaan, pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil telah menjadi bertambah baik. Saya berasa sukacita bahawa usaha-usaha RISDA memodenkan masyarakat pekebun-pekebun kecil dari segi kerohanian telah dapat mengubah sikap mereka untuk berdikari dan melibatkan diri dalam program-program pembangunan Kerajaan serta mampu pula menghadapi berbagai cabaran.

Kerajaan juga sedar bahawa pekebun-pekebun kecil merupakan tunggak ekonomi negara kerana mereka mengeluarkan 62 peratus daripada pengeluaran getah yang menjadi eksport utama negara kita. Kejayaan yang dicapai oleh pekebun-pekebun kecil bagi meninggikan pengeluaran serta sumbangan mereka kepada ekonomi negara adalah hasil daripada usaha-usaha Kerajaan dan pekebun-pekebun kecil sendiri. Kejayaan pekebun-pekebun kecil memenuhi hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tenaga pekebun-pekebun kecil adalah potensi bagi pembangunan negara dan adalah diharapkan pekebun-pekebun kecil akan sentiasa melibatkan diri mereka dengan program-program Kerajaan untuk kemajuan masyarakat keseluruhannya.


(DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)